


20 FEBRUARI 2023



Haqiruh Afiq Farhan bersama pasukan hoki SK Senderut, Kuala Lipis yang baru ditubuhkan sekitar tahun lalu.



Muhammad Ashraf mempelajari Bahasa Semai bagi memastikan anak muridnya memahami ilmu disampaikan.



Perjalanan sukar perlu ditempuh warga SK Titom, Lipis satu tahun ketika dahulu yang memerlukan murid sawal tahun satu tinggal di asrama.

Guru ejen perubahan pendidikan Orang Asli

Faktor penempatan jauh di pedalaman bukan alasan gagal dalam pelajaran

Oleh Nas Norziela Nasbah
bhipendidikan@bh.com.my

Isu keciciran murid Orang Asli daripada sistem pendidikan memang kerap dipertanyakan. Apatah lagi sesudah hampir 66 tahun merdeka, mereka yang membentuk 0.6 peratus populasi negara dilihat masih lagi ketinggalan.

Hal ini amat disedari oleh kerajaan dan pelbagai pihak bukan kerjahan justeru usaha meningkatkan taraf pendidikan mereka sentiasa dibuat secara berterusan. Namun, usaha itu tentu saja tidak bermakna jika tiada insan bergelar guru yang sanggup menggalas tanggungjawab menjadi ejen perubahan.

Bagi guru di Sekolah Kebangsaan Senderut, Kuala Lipis di Pahang, Haqiruh Afiq Farhan Md Dzulkifli, 32, kedudukan sekolah yang jauh di pedalaman dan perjalanan berulang alik yang sukar tidak mematahkan semangatnya.

Malah beliau yang sudah lapan tahun bergelar guru ingin memastikan murid Orang Asli mendapat pendidikan seimbang berdasarkan keperluan semasa.

Berkongsi pengalamannya, Haqiruh Afiq Farhan berkata, bertugas di Sekolah Orang Asli yang jauh di pedalaman banyak mengajarnya pelbagai erti kehidupan.

"Mungkin sebahagian mereka sedikit perlahan dalam pembelajaran tetapi ada juga yang berpotensi

si malah ada murid yang bersungguh-sungguh untuk belajar walaupun dalam serba kekurangan iaitu tiada alat tulis dan buku.

"Namun di sebalik semua kekurangan itu, saya melihat mereka punya kesungguhan malah seribu satu keistimewaan lain malah mampu mencapai kejayaan jika menerima bimbingan yang betul.

"Memang ada sebahagian murid tidak menguasai pelajaran, tetapi sangat mahir hal-hal berkaitan kemahiran hidup," katanya.

Tambahnya, beliau menerima dengan hati terbuka sewaktu ditempatkan mengajar di sekolah itu meskipun pada peringkat awal terdapat kekangan bahasa yang perlu diatasi.

Murid-murid di situ katanya, tidak mahir berbahasa Melayu jadi guru perlu mempelajari serba sedikit bahasa Semai. Malah kemahiran guru menguasai bahasa Semai membuatkan murid lebih hormat.

Haqiruh Afiq Farhan berkata, setiap hari beliau mengharungi perjalanan bermotokikal dari rumah ke sekolah sejauh 55 kilometer (km). Untuk 15 km pertama,

jalannya masih elok tertar tetapi bakinya 40km adalah laluan berbukit bukau dan berlokap.

Namun sedikitpun ia tidak mematahkan semangatnya untuk terus berkhidmat di sekolah yang mempunyai 388 murid itu.

Gilap bakat sukan
Malah, sesuai dengan jawatannya sebagai guru Pendidikan Jasmani, beliau juga berjaya membentuk sebuah pasukan hoki sekolah.

"Saya melihat jika mereka dapat menguasai kemahiran hidup dengan baik misalnya berenang, bakat bersukan juga boleh dipupuk. Jadi saya mahu mendorong mereka menggilap bakat bersukan dengan bantuan teknik yang betul," katanya.

Sementara itu bagi guru di Sekolah Kebangsaan (SK) Titom, Lipis, Muhammad Ashraf Emran, 26, tugasnya di sekolah tidak berakhir sebaik tamat sesi pembelajaran. Sebaliknya beliau bertugas sebagai 'ibu dan bapa' murid kerana turut diamanahkan sebagai warden asrama.

Katanya, disebabkan jarak SK

Titom dan rumah murid terlalu jauh ditambah dengan keadaan jalan yang sangat daif, kebanyakan mereka menetap di asrama.

"Amat sukar untuk murid berulang alik dari rumah ke sekolah kerana perjalanan sangat jauh. Jadi, sejak usia tujuh tahun mereka sudah ditempatkan di asrama.

"Ini adalah cabaran mereka untuk mendapat pendidikan. Melihat semangat anak murid yang ingin belajar, saya juga bertambah azam mendidik mereka," katanya.

Tegas Muhammad Ashraf, disebabkan kedudukan sekolah di pedalaman, mereka berhadapan dengan cabaran berkaitan hal-hal keperluan asas seperti air dan bekalan elektrik.

Sekolah itu katanya mendapatkan sumber air menggunakan kinir graviti serta air sungai yang tidak dirawat, manakala elektrik diperolehi daripada tenaga solar.

Belajar bahasa Semai
Seperti kebanyakan guru di Sekolah Orang Asli, Muhammad Ashraf berkata, beliau juga mengambil inisiatif mempelajari ba-

hasa Semai bagi memudahkannya berkomunikasi dengan murid dan ibu bapa kerana kebanyakan murid lebih selesa berbahasa Semai.

"Hal ini menjadi cabaran kepada guru kerana murid sukar bertutur dalam bahasa Melayu.

"Namun, saya menganggap ini sebagai cabaran yang perlu dihadapi dan mengambil masa untuk mempelajari bahasa mereka supaya sesi pembelajaran dalam kelas lebih bermakna serta menarik minat murid.

"Apabila menyenangi bahasa mereka, anak-anak ini lebih yakin dan pastinya mudah untuk mengajar mereka menguasai bahasa kebangsaan," katanya.

Mengimbas sesi pembelajaran sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), beliau mengambil inisiatif menghantar dan ambil kerja sekolah ke rumah mereka. Ibu bapa dan murid katanya, sangat meraikan usaha itu dan gembira menyiapkan tugasan dalam kadar masa diberikan.

"Mereka gembira dan bahagia dengan cara mereka sendiri walaupun hidup serba kekurangan.

"Malah saya bangga apabila dua murid yang kami bimbing terpilih mewakili Pahang dalam sukan sepak takraw, malah berjaya pula jadi johan dan dianugerah tekong terbaik," katanya.

Tegasnya, beliau percaya murid Orang Asli tetap berpeluang untuk maju dalam pelajaran selagi ada sokongan yang kuat daripada semua pihak termasuk motivasi daripada diri mereka sendiri.

Untuk rekod, sehingga kini terdapat sebanyak 93 buah Sekolah Orang Asli di bawah Kementerian Pendidikan (KPM).

Julai tahun lalu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) memperuntukkan RM59.4 juta kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi usaha mendokong dasar pendidikan negara.



Pengalaman Haqiruh Afiq Farhan dan guru lain mengambil inisiatif menghantar dan mengambil sendiri tugas sekolah ke setiap rumah murid sewaktu tempoh PKP.